HAKIM BESAR MALAYA
MAHKAMAH PERSEKUTUAN
MALAYSIA
PUTRAJAYA

CHIEF JUDGE OF MALAYA
FEDERAL COURT
MALAYSIA
PUTRAJAYA

(8) HBM/1/1(i)

12 September 2013

Semua YA Hakim / Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi Malaya
Seluruh Semenanjung Malaysia

Semua Timbalan Pendaftar / Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Seluruh Semenanjung Malaysia

YA Dato' Seri/ Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

PEKELILING HAKIM BESAR MALAYA BIL. 2 TAHUN 2013

PROSEDUR PENGURUSAN KES DAN PERBICARAAN DI MAHKAMAH TINGGI MALAYA BAGI SEMUA KES DI BAWAH KATEGORI KOD 45 DAN KOD 46 SELEPAS PINDAAN KANUN TATACARA JENAYAH (AKTA AA 1422)

Adalah didapati bahawa prosedur yang diamalkan oleh YA Dato' Haji Akhtar bin Tahir boleh diterimapakai dengan penyesuaian oleh Yang Arif-Yang Arif untuk membantu Yang Arif-Yang Arif dalam melicinkan dan mempercepatkan proses perbicaraan kes-kes Jenayah di Mahkamah Tinggi masing-masing.

2. Bersama-sama ini disertakan Prosedur Pengurusan Kes dan Perbicaraan di Mahkamah Tinggi Jenayah 8 Shah Alam yang disediakan dan digunapakai oleh YA Hakim Dato' Haji Akhtar bin Tahir untuk makluman Yang Arif-Yang Arif seperti di Lampiran "A".

(TAN SRI DATO' SERI ZULKEFLI BIN AHMAD MAKINUDIN)
Hakim Besar Malaya

s.k:

YAA Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

YAA Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Tinggi Kuching
Jalan Gersik
93050 Petrajaya
KUCHING, SARAWAK

Semua Hakim Pengurus
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

Timbalan Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

Pendaftar
Mahkamah Rayuan Malaysia
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

Pendaftar
Mahkamah Rendah Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

Pengarah Mahkamah Negeri
Seluruh Semenanjung Malaysia

Pengarah
Bahagian Pengurusan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

Ketua
Bahagian Dasar, Latihan dan Perancangan Strategik
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

Ketua
Bahagian Teknologi Maklumat
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

Pustakawan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

LAMPIRAN A

PROSEDUR PENGURUSAN KES & BICARA DI MAHKAMAH TINGGI JENAYAH BAGI KOD 45 DAN 46 (SELEPAS PINDAAN KANUN TATACARA JENAYAH) YANG DISEDIAKAN DAN DIGUNAKAN OLEH Y.A. DATO' AKHTAR BIN TAHIR DI MAHKAMAH TINGGI JENAYAH 8 SHAH ALAM

1. Peringkat Pengurusan Kes di hadapan Timbalan Pendaftar

   i. Setelah di sahkan bahawa pertuduhan itu kekal sebagai pengedaran dadah (bagi kes dadah) dan izin telah diperolehi (bagi kes bunuh), kes akan ditetapkan di hadapan Timbalan Pendaftar bagi diagihkan kepada YA Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam. Arahan dari YA Hakim Mahkamah Tinggi Jenayah 8 (MTJ8) adalah supaya kes-kes yang telah diagihkan kepada beliau hendaklah ditetapkan tarikh dengan kadar yang segera iaitu dalam masa 10 hari selepas kes berkenaan disebut di hadapan Timbalan Pendaftar.

2. Peringkat Pengurusan Kes di hadapan YA Hakim MTJ8

   i. Pengurusan kes ditetapkan pada jam 12.00 tengahari (Isnin hingga Khamis) dan pada jam 9.00 pagi atau 11.30 pagi pada hari Jumaat. Pengurusan kes yang ditetapkan pada jam 12.00 tengahari adalah bertujuan untuk memberikan masa kepada YA menyelesaikan pendengaran kes bagi sesi pagi hari tersebut.

   ii. Pada tarikh pengurusan kes kali pertama di hadapan YA, izin dan pertuduhan akan dikemukakan oleh TPR dan ditandakan. Pertuduhan juga akan dibacakan kepada OKT dan pengakuan diambil. Jika OKT diwakili oleh peguambela, kes akan terus ditetapkan untuk perbicaraan di mana kes dadah diberikan tempoh dua (2) hari untuk dibicarakan mengikut jadual mahkamah dan kes bunuh diberikan tempoh tiga (3) hingga lima (5) hari.

   Jika OKT tidak diwakili oleh peguambela, tempoh sebulan akan diberikan untuk OKT melantik peguam atau untuk mahkamah melantik 'peguam lantikan mahkamah'. Setelah peguam dilantik tarikh bicara akan terus ditetapkan.

   Pada tarikh pengurusan kes kali pertama juga, tarikh untuk pengurusan kes kali kedua akan ditetapkan sekurang-kurangnya sebulan (1) atau dua (2) bulan se belum tarikh bicara yang telah ditetapkan. Dalam masa perantaraan ini (pengurusan kes kali pertama dan kedua), TPR dan peguambela dinasihatkan untuk mengadakan *Pre-Trial Conference* (PTC) bagi menentukan saksi mana yang perlu dipanggil dan saksi mana yang boleh dibenarkan untuk disediakan pernyataan saksi (*witness statement*). Semasa PTC juga semua dokumen yang hendak dikemukakan dalam perbicaraan perlu diserahkan pada peguambela.

iii. Pada tarikh pengurusan kes kali kedua, TPR di kehendaki menyediakan dua (2) senarai iaitu:-

a. Senarai Saksi; dan
b. Senarai Eksibit.

Senarai Saksi terbahagi kepada tiga (3) bahagian iaitu:-

a. Senarai Saksi Yang Di cadangkan Untuk Di panggil;
b. Senarai Saksi Yang Hendak Di tawarkan; dan
c. Senarai Saksi Yang Diambil Keterangan Tetapi Tidak Bercadang Untuk Di tawarkan.

Senarai Eksibit pula terbahagi kepada dua (2) bahagian iaitu;

a. Senarai Eksibit Dokumentar; dan
b. Senarai Eksibit Fisikal.

Dari kedua-dua senarai tadi (Senarai Saksi dan Senarai Eksibit), YA akan mencatitkan persetujuan yang telah dicapai oleh kedua-dua pihak dan peguambela akan menentukan saksi mana yang tidak perlu dipanggil, saksi mana yang boleh menggunakan *witness statement* dan saksi mana yang perlu diperiksa secara keseluruhan. Peguambela juga akan menentukan barang kes yang boleh ditandakan dalam senarai eksibit. Semasa pengurusan kes kali kedua ini juga, semua dokumen dan barang kes akan dibuka dalam mahkamah dan dilabel oleh mahkamah di hadapan OKT dan peguambela samada dengan tandaan 'P' atau 'Id' tertakluk kepada persetujuan OKT dan peguambela.

iv. Pada hari perbicaraan, kes akan di mulakan pada jam 9.00 pagi dengan semua perkara yang telah ditentukan dan dipersetujui oleh pihak-pihak termasuk semua barang kes yang telah dilabelkan.

v. Dari rekod kes-kes yang telah dibuat pengurusan kes sebelum ini, bolehlah di buat kesimpulan bahawa dalam kes-kes ini, TPR hanya perlu memanggil tiga (3) atau empat (4) orang saksi sahaja dan kes boleh di selesaikan dalam tempoh setengah atau satu hari sahaja. Keputusan di akhir kes pendakwaan di tetapkan pada hari kedua perbicaraan.

Contoh:
Kronologi Pengurusan Kes dan Bicara Bagi Kes 45A-114-2011 (PP v Khorshid Esmaeile Momen [Warganegara Iran]

Pihak pendakwaan	-	**Puan Shazreen**
Pihak pembelaan	-	**Encik Hisham Teh Poh Teik**

1.	6 Februari 2013	-	Arahan untuk menjalankan *pre trial conference* telah diberikan oleh mahkamah kepada pihak-pihak. Izin dan pertuduhan telah dikemukakan oleh pendakwaan dan ditandakan. Pertuduhan dibacakan kepada tertuduh dan tertuduh meminta untuk dibicarakan. Kes dibawa ke 27 Februari 2013 jam 4.00 petang untuk pengurusan kes.
2.	27 Februari 2013	-	Pihak-pihak telah mencapai persetujuan terhadap beberapa perkara dan dokumen tersebut ditandakan sebagai P1 – P17(A). Kes ke 4 dan 5 Mac 2013 untuk bicara pada jam 10.30 pagi.
3.	4 Mac 2013	-	Kes bermula jam 10.30 pagi. SP1 - SP5 telah memberikan keterangan. Pendakwaan menutup kes dan pihak-pihak dikehendaki bersedia dengan hujahan di akhir kes pendakwaan pada 5 Mac 2013. Kes ke 5 Mac 2013.
4.	5 Mac 2013	-	Pihak-pihak berhujah dan mahkamah telah memutuskan pendakwaan telah gagal membuktikan kes *prima facie*. Oleh itu tertuduh dilepas dan dibebaskan tanpa dipanggil membela diri.